

NOTIS SEBUT HARGA

KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH LIMA (5) UNIT PONDOK WAKAF DI INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA, SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

Sebut Harga Bil : JANM.BIL 8/2019


1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai pengkhususan seperti berikut:-
 - 1.1 Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK),
 - 1.2 Sijil Taraf Bumiputera (STB),
 - 1.3 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)dalam **Kategori Bangunan (B)** mengikut gred dan had nilai perolehan berikut:-
Gred Nilai Perolehan: **G1** (Alamat pendaftaran di daerah Sabak Bernam sahaja)
Pengkhususan: **B24** – Kerja Penyenggaraan Bangunan
2. Kontraktor **diwajibkan** menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **1 Oktober 2019 (Selasa) jam 10.30 pagi**. Taklimat akan diadakan sekali sahaja. Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Auditorium Sekendi, Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Jalan 2, Sungai Lang, 45100 Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan** pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini.
3. Borang Sebut Harga boleh didapati melalui laman web portal iklan Jabatan Akauntan Negara Malaysia – www.anm.gov.my bermula dari tarikh **1 Oktober 2019 hingga 8 Oktober 2019**.
4. Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini Kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** PPK dan SPKK yang dikeluarkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta STB bersertakan satu salinan perakuan/sijil tersebut.
5. Borang Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 8 Oktober 2019 (Selasa)** ke alamat seperti berikut:

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan,
Seksyen Pengurusan Kewangan Dan Perolehan,
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 1 Persiaran Perdana, Presint 2,
62594 Putrajaya

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah


Dato' Zamimi Bin Awang C.A. (M)
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
Tarikh : 7 September 2019